**Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan) (YB Datuk Hajah Sharifah Hasidah binti Sayeed Aman Ghazali):** Terima kasih, Tuan Speaker. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Lingga, semasa pembentangan Belanjawan 2025 yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18 Oktober 2024, pelaksanaan kadar gaji minimum di sektor swasta di seluruh Malaysia dinaikkan daripada RM1,500 kepada RM1,700 sebulan mulai 1 Februari 2025. Bagi majikan yang mempunyai kurang daripada lima orang pekerja, diberi enam bulan tempoh penangguhan pelaksanaan gaji minimum RM1,700 iaitu bermula 1 Ogos 2025.

Kerajaan Sarawak turut melaksanakan gaji minimum RM1,700 kepada pekerja sektor swasta di negeri Sarawak selaras pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pelaksanaan gaji minimum RM1,700 tidak terpakai kepada Penjawat Awam Sarawak. Pelaksanaan gaji minimum bagi Penjawat Awam Sarawak adalah tertakluk kepada surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Kerajaan Sarawak telah bersetuju menerima pakai secara prinsip pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) melalui Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 15 Tahun 2024 yang dikeluarkan pada 15 Oktober 2024. Bagi penjawat di dalam kategori Gred 1, Gaji Permulaan Terendah, iaitu gaji pokok adalah RM1,500 sebulan dan mereka

turut juga menikmati elaun-elaun lain sebanyak RM685 sebulan. Ini menjadikan jumlah pendapatan kasar adalah sebanyak RM2,185 sebulan, iaitu mengatasi gaji minima. Terima kasih.

**YB Puan Dayang Noorazah bte Awang Sohor:** (*Soalan Tambahan*) Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mempunyai dua soalan tambahan.

- (a) Pelaksanaan Gaji Minimum (PGM) terpakai kepada siapa?
- (b) Siapakah pegawai yang layak menerima Gaji Permulaan Terendah (GPT)?

Terima kasih.

**Timbalan Menteri di Jabatan Premier (Undang-undang, MA63 dan Hubungan Negeri-Persekutuan) (YB Datuk Hajah Sharifah Hasidah binti Sayeed Aman Ghazali):** Terima kasih. Pelaksanaan Gaji Minimum (PGM) terpakai kepada semua pekerja termasuk pekerja bukan warganegara di sektor swasta kecuali perkhidmatan domestik dan kontrak perantisan (*apprenticeship*).

Bagi soalan kedua, penempatan Gaji Permulaan Terendah (GPT) baharu ini hanya terpakai kepada pegawai yang menerima opsyen SSPA. Bagi pegawai Gred 11 SSM, yang menerima opsyen SSPA tetapi belum memenuhi syarat untuk ditukar lantik kepada Skim Perkhidmatan berkuat kuasa di bawah SSPA, sekiranya gaji pegawai, setelah diberi penyelarasan gaji adalah di bawah daripada GPT, gaji pegawai tersebut akan dipindahkan ke amaun GPT dalam JGMM yang sama. JGMM SSM lah! Jadi saya kira jika Lingga mahu tahu lebih lanjut lagi dan jelas lagi mengenai perjawatan ini, sila rujuk dan berhubung kepada Unit Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (HRDM) di bawah Jabatan Premier. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang, N.59 Tamin.

**YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang:** Thank you, Tuan Speaker. My question is number 68.

*Yayasan Sarawak International Secondary School*

**(68) YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang** bertanya kepada Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat:

- (a) Mohon pecahan pelajar mengikut kaum dan latar belakang sosioekonomi yang belajar di *Yayasan Sarawak International Secondary School*?
- (b) Berapa ramaikah pelajar Sarawak dibiayai oleh Yayasan Sarawak yang melanjutkan pelajaran di IPTA/IPTS dan pengajian tinggi di luar negara?

**Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi) (YB Datuk Dr Haji Annuar bin Rapa'ee):** Terima kasih, Tuan Speaker dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat dari Tamin.

Tuan Speaker, soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat ialah mengenai *Sarawak International School*. Setakat ini, kita telah beroperasi di dua buah sekolah, iaitu sebuah di Petra Jaya dan satu lagi di Batu 12, Jalan Kuching-Serian Road. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, jumlah pelajar keseluruhannya ialah seramai 403 orang di kedua-dua buah sekolah ini dan untuk mengetahui berapakah jumlah mengikut sosioekonominya. Matlamat penubuhan sekolah ini, falsafahnya adalah untuk memberi ruang kepada pelajar-pelajar di luar bandar dan juga kepada pelajar-pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. Kita telah menetapkan 50% daripada golongan tersebut untuk dimasukkan ke sekolah-sekolah tersebut. Setakat ini, untuk B40, seramai 55.4% adalah pelajar daripada golongan ini. Sementara daripada M40, 32.3% dan daripada T20

seramai 12.3%. Ini bermaksud matlamat kita untuk memberi ruang kepada pelajar-pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah mencapai matlamatnya.

Selain daripada itu, persoalan yang seterusnya ditanya ialah mengenai pecahan kaum yang masuk ke sekolah ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, daripada masyarakat Melayu – 36.2%, masyarakat Bidayuh – 19.1%, masyarakat Iban – 18.7%, Cina – 12.2%, sementara Orang Ulu – 3.7% dan masyarakat lain seramai 2.2%. Bolehlah dikatakan bahawa jumlahnya melambangkan ataupun menunjukkan *ethnic group* yang ada. Sementara Melanau, terima kasih Yang Berhormat Dato Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, iaitu seramai, saya akan ambil peluang itu, seramai 7% daripada Melanau masuk dalam sekolah ini. Jadi, matlamat untuk seluruh masyarakat negeri Sarawak, walaupun hanya baru dua buah sekolah. Kita akan menubuhkan empat buah sekolah lain, iaitu di Betong, di Sibu, di Bintulu dan juga di Miri.

Bahagian kedua soalan Yang Berhormat ialah mengenai jumlah pelajar-pelajar yang dibiayai oleh Yayasan Sarawak setakat ini, untuk IPTS dan juga IPTA di seluruh negara dan juga di luar negara. Setakat ini, seramai 40,856 yang dibiayai oleh Yayasan Sarawak, di mana 40,599 berada di dalam negara dan yang ditaja untuk di luar negara ialah seramai 257 orang. Sekian, terima kasih.

**YB Ir. Christopher Gira @ Gira anak Sambang (Soalan Tambahan):** Terima kasih, Tuan Speaker. Terima kasih kepada Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang begitu jelas sekali. Saya ada dua tambahan soalan.

- (a) *Is the enrolment to the Yayasan Sarawak International School based on racial quota or meritocracy?*
- (b) Apakah prospek dan halatuju murid lepasan *Yayasan Sarawak International School*?

Thank you.

**Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat (Pengajian Tinggi dan Inovasi) (YB Datuk Dr Haji Annuar bin Rapa'ee):** Tuan Speaker, soalan tambahan pertama adalah soalan yang penting. Terima kasih, Yang Berhormat kerana membawa soalan tersebut yang selalu ditanya, adakah kemasukan ke sekolah-sekolah ini berdasarkan kepada *racial quota* ataupun berdasarkan kepada *meritocracy*? Ini penting untuk difahami oleh seluruh masyarakat Sarawak sebab matlamat utama falsafah penubuhan sekolah ini adalah untuk anak Sarawak. Itu yang paling penting.

Tuan Speaker, semua pelajar boleh masuk ke sekolah ini berlandaskan kriteria. Yang pertama ialah mereka mesti mendapat sekurang-kurangnya *band 5* di darjah enam. Jika mereka mendapat *band 5*, mereka layak menduduki peperiksaan kemasukan yang dijalankan oleh Yayasan Sarawak bersama dengan Swinburne University. Jika mereka lulus, mereka mendapat keputusan cemerlang daripada keputusan tersebut, mereka layak untuk masuk ke mana-mana sekolah *international school* ini. Jadi, tidak ada persoalan *a racial quota* berdasarkan sebulat-bulatnya kepada *meritocracy*. Siapa yang pandai, dapat masuk. Siapa yang lulus peperiksaan ini, dapat masuk. Sebab itu saya menyarankan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya memberi tumpuan kepada sekolah-sekolah di kawasan masing-masing, pastikan ada di kawasan masing-masing untuk dapat masuk ke sekolah ini.

Yang kedua, mengenai apakah faedah ataupun hala tuju pelajar-pelajar di sekolah ini. Pelajar-pelajar di sekolah ini akan menduduki peperiksaan *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE) yang berlandaskan kepada Cambridge apabila mereka di tahap ke-11. Jika mereka berjaya dalam peperiksaan tersebut, kita akan memilih dua daripada sekolah tersebut, dua pelajar akan dihantar ke *the prestigious university in the world* sebab IGSE ini layak untuk masuk ke mana-mana universiti di peringkat antarabangsa. Itulah kelebihanannya sekolah ini. Walau bagaimanapun, mereka juga diberi peluang untuk menduduki peperiksaan SPM sebagai satu *buffer* atau sebagai satu langkah jika mereka tidak mahu ke luar negara. Ini boleh dilakukan. Jadi, inilah matlamat sekolah ini, Tuan Speaker. Terima kasih.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Dato Paulus Palu Ngumbang, N.80 Batu Danau.

**YB Dato Paulus Palu Gumbang:** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya soalan nombor 69.

**Tuan Speaker:** Soalan 69.

*Penanaman Kopi Guarana (Paulinia Cupana)*

**(69) YB Dato Paulus Palu Gumbang** bertanya kepada Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah. Berhubung dengan penanaman kopi guarana (*Paulinia Cupana*) terutamanya di kawasan Utara Sarawak.

- (a) Adakah larangan terhadap penanaman kopi ini masih berkuat kuasa ataupun sebaliknya?
- (b) Jika masih berkuat kuasa, apakah tindakan kerajaan terhadap mereka yang secara terus menerus mempromosikan penanaman kopi jenis ini?

**Tuan Speaker:** Soalan 69.

**Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (Komoditi dan Pembangunan Wilayah) (YB Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben):** Terima kasih, Tuan Speaker dan selamat kepada semua rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Batu Danau, guarana atau nama saintifiknya *Paullinia cupana* adalah daripada keluarga *Sapindaceae* manakala tanaman kopi pula adalah dari keluarga *Rubiaceae*. Oleh itu, harus ditekankan di sini bahawa tanaman guarana dan kopi adalah dua tanaman yang berbeza. Produk minuman berasaskan guarana sering dipromosikan sebagai kopi guarana. Ini kerana guarana juga merupakan salah satu tumbuhan yang mengandungi kafein. Oleh itu, secara umumnya masyarakat beranggapan bahawa guarana adalah kopi daripada keluarga yang sama.

Guarana merupakan tanaman herba yang berasal dari Venezuela dan utara Brazil. Di bawah Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981 (Peraturan 7) telah menetapkan bahawa pengimportan tumbuhan dari negara endemik bagi penyakit Hawar Daun Amerika Selatan (*South American Leaf Blight (SALB)*), termasuk Brazil, adalah dilarang. Langkah ini diambil bertujuan untuk menjaga kepentingan industri getah Malaysia yang bernilai lebih RM18 bilion setahun. Penyakit SALB telah menyebabkan kemusnahan pada tanaman getah di negara seperti Brazil, Columbia dan Costa Rica.

Kerajaan Brazil dengan jelas melarang pengeksportan benih guarana untuk penanaman dan sekiranya Kerajaan Malaysia, jabatan, agensi, mana-mana syarikat atau individu membiakkan dan mengkomersialkan tanaman guarana, Kerajaan Brazil boleh mengenakan tindakan amaran, sita dan penalti sehingga RM10 juta Real Brazil iaitu bersamaan dengan RM7.7 juta.

Kerajaan Sarawak melalui Jabatan Pertanian Sarawak masih menguatkuasakan larangan terhadap penanaman guarana kerana sehingga kini, syarikat yang terlibat dalam pengimportan guarana ke Malaysia masih tidak dapat mengesahkan pematuhannya terhadap prosedur larangan yang telah ditetapkan di bawah undang-undang No.13, 123/15, 20 Mei 2015 – *Access and Benefits Sharing of Genetic Resources and Associated Traditional Knowledge (ABS)*.

Tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal yang terlarang boleh disita, ditahan dan dihapuskan. Mana-mana individu yang membawa masuk komoditi terlarang ini boleh dikenakan saman tidak melebihi RM10,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 19A Akta 167. Jabatan Pertanian Sarawak juga telah membuat hebahan media mengenai isu pengimportan guarana ini melalui laman sesawang rasmi jabatan mengenai larangan penanaman guarana ini. Sebarang aktiviti penanaman guarana adalah dilarang sepenuhnya. Terima kasih.

**YB Dato Paulus Palu Gumbang** (*Soalan Tambahan*): Terima kasih, Tuan Speaker dan terima kasih, Timbalan Menteri atas jawapan yang jelas yang telah diberikan. Walau apapun, saya ada dua soalan tambahan:

- (a) Selain daripada penyakit Hawar Daun Amerika Selatan yang menyerang tanaman getah, apakah perosak dan penyakit lain yang berisiko dibawa oleh guarana?
- (b) Apakah tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal yang dilarang dibawa masuk ke Sarawak? Dan apakah tindakan yang boleh dikenakan terhadap individu yang membawa masuk tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel yang terkawal tersebut?

Terima kasih.

**Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah (Komoditi dan Pembangunan Wilayah) (YB Datuk Maclaine Ben @ Martin Ben)**: Terima kasih, Tuan Speaker dan terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Batu Danau atas soalan tambahan.

Soalan tambahan pertama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Batu Danau, penanaman guarana juga berisiko membawa penyakit baharu seperti *Colletotrichum Guaranicola* yang dilaporkan bukan sahaja menyerang spesies guarana tetapi juga tanaman buah-buahan, sayur-sayuran seperti betik, pisang, mangga dan cili. Buat masa ini, maklumat mengenai penyakit *Colletotrichum Guaranicola* adalah terhad, maka akan menyukarkan kawalan yang dilakukan sekiranya serangan ini berlaku di Malaysia.

Bagi soalan kedua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Batu Danau juga, Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta 167) dan Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981, pengimportan tumbuhan, produk tumbuhan dan artikel terkawal seperti berikut dilarang dibawa masuk ke Sarawak selain untuk tujuan penyelidikan. Larangan-larangan tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Tanih;
- (b) Tanaman dari keluarga *Hevea*;
- (c) Tumbuhan dari kawasan *American Tropics* atau mana-mana negara yang mempunyai penyakit Hawar Daun Amerika Selatan (*South American Leaf Blight (SALB)*);
- (d) Tumbuhan dari kawasan Koko Afrika (endemik kepada penyakit kelapa, kelapa sawit dan koko seperti *Cocoa Swollen Shoot Virus Complex, Lethal Yellowing, Kaincope, dan Cadang-Cadang Virus*);
- (e) Perosak dan penyakit tumbuhan seperti di dalam Jadual 4 Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981; dan
- (f) Tumbuhan-tumbuhan berjadual seperti di dalam Jadual 3 Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981.

Terima kasih.

**Tuan Speaker**: Yang Berhormat Dato Ibrahim bin Baki, N.8 Satok.

**YB Dato Ibrahim bin Baki**: Selamat pagi. Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan saya no. 70.

#### *Heritage-Based Tourism Programmes*

**(70) YB Dato Ibrahim bin Baki** to ask the Minister for Tourism, Creative Industry and Performing Arts: What is the ratio of heritage-based tourism programmes in the tourism calendar and the initiatives taken to empower local communities to organise such programmes and its promotion?

**Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Industri Kreatif dan Seni Persembahan) (YB Datuk Snowdan Lawan)**: Terima kasih, Tuan Speaker dan terima kasih, Ahli Yang Berhormat bagi Satok.



For the information of Ahli Yang Berhormat for Satok, nearly half of the events held in Sarawak are related to cultural heritage. Some of the localised heritage events include Reliving the Culture: Sarawak Malay Traditional Wedding at Rumah Warisan Tan Sri Abang Ahmad Urai, in Kuching; Kuching Inter-Cultural Mooncake Festival; Bung Bratak Day in Bau; Borneo Cultural Festival in Sibu; Pesta Kaul in Mukah; Kapit Dayak Cultural Festival; Pesta Badudun dan Lumba Kerbau; and Pesta Babulang dan Lumba Kerbau in Limbang; Irau Aco Lun Bawang in Lawas; Bintangor Festival; Pesta Danu in Serian, and many more.

My ministry in collaboration with the divisional tourism task groups, works closely with local communities to involve them in the planning and organization of heritage activities. While our Ministry provides partial funding, local communities contribute by selling traditional food products, crafts, and participating in performances and traditional games showcasing their cultural heritage during these events. This approach not only empowers the local communities to showcase their heritage and promote cultural awareness, it also fosters community-driven tourism activities.

Sarawak Craft Council (SCC) also organizes programmes and events such as Craft Weeks and Craft Bazaar to empower local communities to promote their products in the market. Sarawak Craft Council also enhances the visibility of local craft products by participating in international, regional and local events such as Rainforest World Music Festival, Hari kraf Kebangsaan, MAHA Fair, MATTA Fair, Showcase Usahawan Sarawak (MINTRED), Borneo Cultural Festival, Festival Craft Borneo and a few more. Thank you.

**YB Dato Ibrahim bin Baki:** (*Soalan Tambahan*) *Terima kasih*, Timbalan Menteri. Tuan Speaker, I have two supplementary questions:

- (a) What are the strategies adopted by the ministry to develop the creative industry of Sarawak?
- (b) Currently there is any database of creative industry players that are compiled by the Ministry?

Thank you.

**Timbalan Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan (Industri Kreatif dan Seni Persembahan) (YB Datuk Snowdan Lawan):** Thank you, Tuan Speaker and thank you, Ahli Yang Berhormat for Satok.

You see, Tuan Speaker, my ministry has implemented a few or several strategies to strengthen Sarawak's creative industry, now focusing on cultural preservation, economic growth, and job creation. These are made possible with the establishment of the Sarawak Arts Council (SAC) under the Sarawak Arts Council Ordinance, 2008 and the Sarawak Craft Council under the Sarawak Craft Council Ordinance, 2023. Through this Sarawak Arts Council's (MYSENI) annual grant of RM1 million, 40 applications amounting to RM953,000 has been approved, benefiting nine individuals, 12 associations, eight communities, and 11 companies as of November this year.

The Sarawak Craft Council shall now be more empowered to lead, develop and enhance to craft industry with the expanded responsibility defined in their ordinance to enable them to exercise their promotional and marketing functionality, research and development capacity and industrial development opportunity. This shall allow our craftsmen to benefit economically enabling the creative industry to thrive with Sarawak's brand name.

One effort worth mentioning is the organising of the first ever, is our home ground eventually, Tuan Speaker, the first ever BorneoCraft Global Expo and Conference 2024 this year, and international event this year coming from which is aims start from 27<sup>th</sup> November to 1<sup>st</sup> December 2024, which aims to celebrate Kuching as the International City of Craft under the theme "*Globalising Locals*".

Now, this event expects 300 local, regional and international craftsmen exhibiting their products at The Podium, Waterfront Kuching and another 400 participants will attend the conference

at Hilton Hotel, Kuching. Now in this event Tuan Speaker, there be a lot of products is going to showcase for instance, textiles, local international *batik, pua kumbu, songket, keringkam*, etc. and we also have handicrafts, craft beads, jewelleryes, *anyaman*, basketry mats, head gears, *logam parang, arca*, ceramic pottery and many more in this coming event.

So, our ministry has also supported this industry to thrive by way of the Facilitation Fund for Heritage, Arts, and Culture through the organising of 277 events (80 in 2022, 72 in 2023, and 130 in 2024) amounting RM17,249,361 to foster capacity-building programs for creative industry players and advancing heritage, arts, and cultural preservation efforts.

Now, for the second supplementary question, Tuan Speaker, our ministry is developing what we call as Creative Industry Directory. Now, this directory is a comprehensive database of all creative industry players in Sarawak. Since this portfolio of Creative Industry Directory is new, we need to have a directory. Now, this directory is set for completion by April 2025 next year and currently includes 2,116 participants throughout Sarawak.

Now, this is something we call as yellow pages for the telco. You can find a lot all the directories of the supplies, whole sales and all in this craft industries. Now, once finalized, the directory will serve as a valuable resource for both public and private sectors which will strengthen the creative industry by enhancing visibility and fostering new opportunities for collaboration and growth. Thank you.

**Tuan Speaker:** Ahli-ahli Yang Berhormat, question time is up.

**PERBAHASAN ATAS BACAAN KALI YANG KEDUA RANG UNDANG-UNDANG  
PERBEKALAN (2025), 2024 DAN USUL UNTUK MERUJUK RESOLUSI ANGGARAN  
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2025**

**Tuan Speaker:** Ahli-ahli Yang Berhormat, the question is that the Supply (2025) Bill, 2024 be read a second time and the Motion to refer the Resolution of the Development Estimates 2025 be past and referred to the Community of Supply.

Ahli-ahli Yang Berhormat, three days that is today, tomorrow and Friday is set aside for the Members to debate on the Supply (2025) Bill, 2024 and the Motion to refer the Resolution of the Development Estimates 2025. Ahli-ahli Yang Berhormat, under Standing Order 31(8), I hereby impose 20 minutes for any Members who wishes to speak. I now call upon the Member for Bawang Assan.

**YB Dato Sri Wong Soon Koh:** Thank you, Tuan Speaker, for allowing me to participate in the debate on the Supply (2025) Bill, 2024 tabled by the Yang Amat Berhormat Premier dan Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru on 11<sup>th</sup> November 2024.

Tuan Speaker, during the speech at the 13MP (Malaysian Engagement Session Plan 13) on 30<sup>th</sup> October 2024, the Yang Amat Berhormat Premier requested for an allocation for RM100 billion or more from the Federal Government to implement various development plans in Sarawak during the 13<sup>th</sup> Malaysia Plan that is from 2026 – 2030.

The YAB Premier said, I quote, "*I hope the Federal Government will study and consider the needs of Sarawak*". Indeed, in view of the fact that we have contributed so much year in year out through the Federal Government coffers in terms of collection of taxes and revenue from oil and gas, what has been given back to Sarawak is considered very minimal and insignificant.

The federal allocation in 2019 was RM4.349 billion representing 7.94% of the total development budget, 2020 – RM4.4 billion representing 7.8%, 2021 – RM4.5 billion representing 5.1%, 2022 – RM4.6 billion representing 4.6%, 2023 – RM5.4 billion representing 5.7% and 2024

RM5.8 billion representing 6.4% and for 2025 next year, allocations stand at RM5.9 billion only a slight increase over 2024.

These unfair policies resulted in the vast disparity in the development of Sarawak when compared to our counterparts in Semenanjung Malaysia. All these years, the national policy has always been Putrajaya centric tapping into our rich natural resources in Sarawak. During the year when I was the Second Minister for Finance from 2004 to 2019, the Federal Government often use all kinds of excuses and administrative devices to delay the disbursement of funds to us and cause us to have insufficient time to implement the projects and then use the non-performance excuse to give us less or lower allocations... *(Interruption)*...

**Tuan Speaker:** I think you better stop, Member for Bawang Assan. There's a problem with the microphone. Try again.

**YB Dato Sri Wong Soon Koh:** Our YAB Premier is now asking the Federal Government to allocate RM100 billion under the 13<sup>th</sup> Malaysia Plan to enable Sarawak to improve our health facilities, repairing dilapidated schools, upgrading existing roads and constructing new roads and achieving 100% clean water and electricity supply and constructing 1,800 towers or communication structures to ensure full internet coverage in Sarawak.

While giving full support to our YAB Premier and the State Government for asking greater allocations for Sarawak, we all must rally behind our YAB Premier and the State Government in demanding greater rights in the oil and gas distributions and trading in Sarawak. It is about time we demand greater shares in our own resources and use our own resources to build our country and to develop our state.

Tuan Speaker, whatever the case is, we should stand firm for more equitable sharing between PETROS and PETRONAS in the development of both upstream and downstream activities. We are happy to note that PETRONAS has now recognized PETROS as their sole aggregator for natural gas in Sarawak and the detailed formula is to be further discuss and workout.

The pupil of Sarawak should already be behind our state Government in defending, protecting and reclaiming the autonomous rights belonging to the states as stipulated in MA63 and the constitutional instrument enact thereto. As was said by the Yang Amat Berhormat Premier soon after he became the Chief Minister in his winding up speech on 14<sup>th</sup> November 2018. I'll quote what he said, *"I'll desire for the Sarawak autonomy is not a knee-jerk reaction, but a long and deep emotion build over the past 55 years"*. Hence, the YAB Premier is working hard to develop Sarawak's centric economic and financial policies.

The YAB Premier has since launched PCDS, Post COVID-19 Development Strategy to prepare Sarawak towards a thriving society driven by data and innovation to enjoy economic prosperity, social inclusivity and sustainable government. YAB Premier is also working hard to capitalize on the opportunity to achieve RM282 billion of GDP, Gross Domestic Product by 2030. *(microphone problem)*.

This is what he said, *"as Anak Sarawak we must come out front in determine the faith of our beloved homeland Sarawak. We must fight hard with great courage and wisdom"*. YAB Premier fought hard in successfully imposing sales tax on oil and gas to greatly improve our state's revenue and now he's working hard on the state's greater share and control of trading and extraction of oil and gas.

Tuan Speaker, I remember vividly when Premier first became the Chief Minister and he told me one day, Soon Koh, I saw it, I wanted to do it. He was talking about imposing State's sales tax. He said, *"why we only imposed sales taxes on crude oil, crude palm oil and palm kernel oil. We could impose also on the oil products, on sales tax on oil products. Since the State's sales tax ordinance since 1998"*. And so, he imposed sales tax on oil products gives us an average RM3 billion per year.

Imagine 2018, 2019 until 2025 next year, that would give us something like RM24 billion. If not for the brilliant and daring moves of our Yang Amat Berhormat Premier Sarawak would have been less, then RM24 billion in revenue in the past eight years.

The Premier fought hard in successfully imposing sales tax and he is also working hard now on State's greater share and control of trading and extraction of oil and gas.

Earlier the setting up of the development Bank of Sarawak (DBOS) to facilitate alternative funding for development projects. Acquisition of Bakun Dam, Bintulu Port, AFFIN Bank and MasWings are all some of the strategic plans to enhance Sarawak's status as a more autonomous and prosperous State.

The Premier also set up State Sovereign Wealth Future Fund to generate wealth for the future. The Premier is also mulling to create a consolidated entity like Temasek Holdings for assets investment management.

The Premier is also working hard to turn Sarawak into an energy hub. Said the Prime Minister on September 28<sup>th</sup>, 2024 when he visited Sarawak, I quote what the Prime Minister said.

I quote *"if any country wants to know where the energy hub that can supply green energy, alternative energy, hydrogen green energy, they only have to look directly at Sarawak"*. This is what the Prime Minister said.

The State is working on enhancing the green energy production, renewal power resources and diversifying sources of energy. Indeed, the Premier's vision is for Sarawak to generate 10 GW by 2030 through abundant power sources.

The Premier also plans to build a new Kuching International Airport with state-of-the-art design comparable to the best in the world. Premier also to build Tanjung Embang deep sea port to facilitate better handling of petroleum cargo. This would pave the way for Sarawak to become a key gateway of the O&G industry. The State also aspires to be the hub for space technology in the region and will formulate Sarawak Aerospace Industry Development Roadmap" said the Premier in his budget speech on Monday.

The State is also mulling the idea of providing free education to selected students studying in the State own universities, IPTS. The State is also seeking greater federal representation through the increase of more parliamentary seats. The demand according to the Deputy Prime Minister, YAB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof has now entered into negotiation... *(Interruption)*...

**Tuan Speaker:** Member for Bawang Assan, we have a break for the technician to look at the system. I'm sorry. I have to stop you from your continuing your speech... *(microphone problem)*... you can continue your speech after we rectify the system. So, we will have a break in 20 minutes time.

*(Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 10.36 pagi)*

*[Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.20 pagi]*

*[Tuan Speaker mempengerusikan Mesyuarat]*

**Tuan Speaker:** Ahli Yang Berhormat for Bawang Assan, there were electronic interruption to your speech that may not reflect well in the Hansard so you may restart your speech.

**YB Dato Sri Wong Soon Koh:** Thank you, Tuan Speaker. Thank you for allowing me to participate in the debate on the Supply (2025) Bill, 2024 tabled by Yang Amat Berhormat Premier, Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru on 11<sup>th</sup> November 2024.

Tuan Speaker during the speech at 13<sup>th</sup> Malaysia Plan engagement session on October 30<sup>th</sup> 2024, our Premier requested for an allocation of RM100 billion from the Federal Government to implement the various development projects plan in Sarawak under the 13<sup>th</sup> Malaysia Plan (13MP) from 2026 to 2030.

The Premier said, I quote *“I hope the Federal Government will study and consider seriously the needs of Sarawak”*. Indeed Tuan Speaker, in view of the fact that we have contributed so much year in year out to the Federal Government coffer in terms of collection of taxes and revenue from the oil and gas. What is given back to Sarawak is consider very minimal and insignificant.

Federal allocation in 2019 was RM4.349 billion representing 7.94% of the total development budget. 2020 – RM4.4 billion representing 7.8%; 2021 – RM4.5 billion representing 5.1%; 2022 – RM4.6 billion representing 4.6%; 2023 – RM5.4 billion representing 5.7% and 2024 – RM5.8 billion representing 6.4%. And for next year, 2025 allocations stand at RM5.9 billion only a very slight increase over 2024.

This rather unfair policies resulted in the vast disparity in the development of Sarawak when compared to our counterparts in Semenanjung Malaysia. All these years the national policy has always been Putrajaya Centric, tapping into our rich resources in Sarawak.

During the years when I was the Second Minister of Finance, that is from 2004 to 2019 the Federal Government often used all kinds of excuses and administrative devices to delay the disbursement of funds to us and cause us to have insufficient time to implement the projects and then use the non-performance excuses to give us less or lower allocation the following years.

Our Premier is now asking the Federal Government to allocate RM100 billion under 13<sup>th</sup> Malaysia Plan to enable Sarawak to improve our health facilities, repairing our dilapidated schools, upgrading existing roads and constructing new roads and achieving 100% clean water and electricity supply and constructing 1,800 towers or communication structures to ensure full internet coverage in Sarawak by 2030.

While giving full support to our Premier and the State Government for asking for greater allocation for Sarawak, we all must rally behind the Premier and the State Government in demanding greater rights in the oil and gas distribution and trading in Sarawak. It is about time that we demand greater shares in our own resources and use our own rich resources to build our economy and to develop our State.

Tuan Speaker, whatever the case, we should stand firm for more equitable sharing between PETROS and PETRONAS in the development of both the upstream and the downstream activities. We are happy to note that PETRONAS has now recognize PETROS as their sole aggregator for natural gas in Sarawak and the details formula is to be further discuss and workout.

The people of Sarawak should all rally behind our State Government in defending, protecting and reclaiming the autonomous rights belonging to the States as stipulated in MA63 and the constitutional instrument enact thereto. As said by Yang Amat Berhormat Premier soon after he became the Chief Minister in his winding up speech on 14<sup>th</sup> November 2018. I quote *“Our desire for the Sarawak autonomy is not a knee-jerk reaction but a long and deep emotion build over the last 55 years”*. Hence, our Premier is working hard to develop Sarawak Centric Economic and financial policies.

The Premier has since launched PCDS (Post COVID Development Strategy) to propel Sarawak towards thriving society driven by data and innovation to enjoy economic prosperity, social inclusivity and sustainable environment. The Premier is also working hard to capitalize on opportunities to achieve RM282 billion in GDP by 2030.

He further said in his winding up speech delivered on 14<sup>th</sup> November 2018. I quote *“As Anak Sarawak we must come up front in determine the fate of our beloved homeland Sarawak. We must fight hard with great courage and wisdom”*. Indeed, Yang Amat Berhormat Premier fought hard and successfully imposing sales tax on oil and gas to greatly improve our State revenue.

Tuan Speaker, I remember vividly, immediately after he became Chief Minister, I remember he told me because I was the Second Minister for Finance. He said, *“Soon Koh, I saw it and I wanted to do it”*. He was talking about sales tax being imposed only on palm oil, on crude palm oil and the palm kernel oil when we introduced the 1998 State Sales Tax Ordinance.

He was saying that *“if we could impose sales tax on crude palm oil, why can't we impose sales tax on petroleum products”*. And because of this brilliant move, I would say very daring, we started to impose sales tax on petroleum products, giving us, giving the State of Sarawak on the average, from 2018 to 2024 or 25 now, an average of RM3 billion. Imagine for the next, for eight years from 2018 to 2025, Sarawak enjoy an additional revenue of RM24 billion. And so, we must thank the Premier for his courageous and I must say very daring move to impose the sales tax on oil products.

And now, the Premier is working on State greater share and control of the trading and extraction of oil and gas. Earlier, the setting up of Development Bank of Sarawak is to facilitate alternative funding for development projects. Acquisition of Bakun Dam, Bintulu Port, Affin Bank and Mas Wings which are going to happen soon are also some of his strategic plans to enhance Sarawak's status as a more autonomous and prosperous State. The Premier also set up State Sovereign Wealth Future Fund to generate the wealth for our future. The Premier is also mulling to create a consolidated entity like Temasek Holdings for asset and investment management.

The premier is also working hard to turn Sarawak into an energy hub. Said the Prime Minister, Datuk Seri Anwar Ibrahim, on September 28<sup>th</sup>, 2024 when he visited Sarawak. This is what the Prime Minister said, I quote: *“If any country wants to know where the energy hub that can supply green energy, alternative energy, hydrogen green energy, they only have to look directly at Sarawak”*. The State is working on enhancing the green energy production, renewable power sources and diversifying sources of energy. Indeed, the Premier's vision for Sarawak to generate 10 GW by 2030 through abundant power sources.

The Premier also plan to build a new Kuching International Airport with state-of-the-art design comparable to the best in the world. Premier also proposed to build Tg. Embang deep sea port to facilitate better handling of petroleum cargo. This would pave the way for Sarawak to become the gateway of O&G industry. The State also aspire to be the hub for space technology in the region and will formulate Sarawak Aerospace Industry development roadmap. Said the Premier in his Budget Speech deliver on Monday, only this Monday, I quote: *“The State is also mulling the idea of providing free education to selected students studying in the State -owned university (IPTs)”*. This is for human power development.

The State is also seeking greater federal representation through the increase of more parliamentary seats. The demand according to Deputy Prime Minister Dato Sri Fadillah, has now enter into negotiation for legislative assessment involving the state Attorney-General from the Federal, Sarawak and Sabah government.

Deputy Prime Minister further disclosed during the *Lan Berambeh Putra Jaya Takaful Masuk Kampung* event at Kampung Semariang Batu on November 10<sup>th</sup>, 2024 that 1963 MA Implementation Action Council Technical Committee will then meet in the first quarter of next year 2025. It has to go through many as well as complex processes.

Then the economic, sorry, the election committee will then put together the procedures which will then be gazetted before taking to parliament for constitutional amendments, for a decision. This is what the Deputy Prime Minister said, it is certain that it hasn't had enough time for next General Election. Meaning in a 16<sup>th</sup> GE.

However, Tuan Speaker, we must work hard towards the realization of increased parliamentary seats for Sarawak and Sabah because increase in parliament seats will also cause a change in the legislative assembly seats for Sarawak and Sabah.

All in all, I must say the Yang Amat Berhormat, the visionary Premier is leaving no stones unturned to fight for greater administrative, legislative and financial autonomy for more resources, sources of revenue, for greater control of our natural resources so that we can take control of our own destiny and boldly move on with our development agenda. Say our Premier during his budget speech on Monday, 11<sup>th</sup> of November, I quote, 2024, only on Monday, he said, I quote *“the road ahead towards a better Sarawak will not be easy. There will be a lot of challenges. Let us turn our challenges into opportunity and the constraints into strengths”* said the Premier. Many of the things, on another occasion, he said, many of the things we are doing are new to Sarawak. We have hope and faith and courage. Together, God willing, we will success. We will succeed. And all of us should rally behind our Premier and the State Government with a united spirit to help realize our projects and programs planned for the future of Sarawak.

Tuan Speaker, let me now raise some matters relating to my constituency, Bawang Assan.

Tuan Speaker, my constituency N.53 Bawang Assan, some of the polling stations in the outlying areas such as Tutus, Rassau, Bungan Besar and Bungan Kecil are under Matu district; administratively under Matu district. They come under Matu district. Nearer to Sibu along Batang Igan, the polling stations come under Sibu District. It is difficult for the people in these areas to distinguish what matters come under which district councils, making them run to both ends to seek help and assistance.

And so, Tuan Speaker, it is hoped that in the forthcoming re-delineation exercises, the electoral and administrative districts can be harmonized to avoid unnecessary confusion among the people in the areas.

Tuan Speaker, in the district closer to Sibu in my constituency N.53, infrastructure facilities are quite complete, all longhouses and kampungs are well served by roads. But in the outlying areas which are far away from Sibu town, such places like Rassau, Sg. Pinang, Bungan Besar and Bungan Kecil are not accessible by roads. And they are only accessible by, some of them are accessible by plantation roads but we have to use speed boats to reach some of the longhouses and *kampung* and the journey may take up to one to two hours.

I must thank the State GPS Government for approving Jalan Sg. Bidut/ Kpg. Tutus/ Kpg. Sebedil/ Kpg. Bungan Kecil, Sibu Division with a total scheme value of RM400 million. Phase one costing RM104.56 million has been completed. It is hoped that the subsequent phases can be implemented soon. Jalan Kut Muara/ Sg. Pinang/ Bungan Besar along Batang Igan in Mukah Division are also being planned. Once the roads are implemented, other facilities such as electricity and water supply can follow suit.

Tuan Speaker, indeed, Sarawak has a big land mass which require heavy capital outlays to build road infrastructure to cover all the areas. Deputy Premier Minister for Infrastructure said on December 5<sup>th</sup>, 2022. This is what he say, *“Based on our study, we still need to build at least 2,000 km or more roads, new roads to ensure all those yet-to-be-linked interior longhouses and kampungs will be connected”*. On another occasion on 2<sup>nd</sup> June 2023, the Deputy Premier and Minister for Infrastructure said, *“it is further estimated that we need to build 5,000 km rural roads”* and when completed, all *kampungs* and longhouses can be accessible by road.

The Deputy Premier further said, *“our plan is for this to happen by 2030, but this will certainly need quite a substantial sum of money”*.

Now on November 3<sup>rd</sup>, 2024, Deputy Prime Minister, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid during his visit to Kuching revealed that some of the Federal projects which had been delayed from 2016 to

2022, imagine these projects were delayed for so long, from 2016 to 2022 have to be implemented before the launch of 13<sup>th</sup> Malaysia Plan (13MP).

Probably, Deputy Prime Minister's open admission was in response to the request made by our Premier on 20<sup>th</sup> October 2024 during the 13<sup>th</sup> Malaysia Plan Engagement Session when our Premier requested Federal Government to allocate RM100 billion to implement various development projects planned for Sarawak under 13<sup>th</sup> Malaysia Plan (13MP).

**Tuan Speaker:** You have to conclude, Honourable Member.

**YB Dato Sri Wong Soon Koh:** Okay. Tuan Speaker, the Sarawak Government should keep on imploring the Federal Government to give more justice to Sarawak by agreeing to our fair and equitable proposals, considering the fact that we are the main contributor to the Federal coffers and economy.

Tuan Speaker, with the above observation, I fully support Supply (2025) Bill, 2024. Sekian, terima kasih.

**Tuan Speaker:** Yang Berhormat Encik Safiee bin Haji Ahmad, Member for Daro.

**YB Encik Safiee bin Haji Ahmad:** Assalamualaikum Warahmatullahita'ala Wabarakatuh.

**Tuan Speaker:** Waalaikumussalam.

**YB Encik Safiee bin Haji Ahmad:** Salam sejahtera, Salam Sarawakku Sayang dan Salam Segulai Sejalai.

Terima kasih, Tuan Speaker kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan (2025), 2024 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak; Menteri Kewangan dan Ekonomi Baru; Menteri Sumber Asli dan Pembangunan Bandar; Menteri Tenaga dan Kelestarian Alam Sekitar; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N.26 Gedong pada 11 November yang lepas.

Tuan Speaker, Alhamdulillah, terlebih dahulu sama-samalah kita menzahirkan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T. di atas izin dan inayah-Nya jua, negeri kita telah dianugerahkan kemakmuran dan kesejahteraan yang berpanjangan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg di atas komitmen, kebijaksanaan dan kepimpinan yang cemerlang beliau serta barisan Kabinet Sarawak kita yang berpandangan jauh telah meningkatkan pendapatan kepada Negeri.

Tuan Speaker, pembentangan Bajet 2025 yang bertemakan '*Bersama Membangun Masa Depan Yang Makmur*' bukan sahaja mencipta sejarah bajet yang terbesar setakat ini, tetapi turut mencipta banyak sejarah-sejarah baharu yang menguntungkan rakyat Sarawak. Alangkah bertuahnya kita sebagai rakyat Sarawak mempunyai pemimpin yang berjiwa besar, mempunyai visi yang berpandangan jauh, mengutamakan rakyat serta seorang '*Bujang Berani*' dalam memperjuangkan hak-hak Sarawak khususnya dalam MA63.

Bajet yang bersifat eksklusiviti, '*People Centric*', yang merangkumi semua lapisan kehidupan rakyat serta '*Rural Biased*' amat sesuai dan memenuhi aspirasi rakyat Sarawak yang kita sayangi ini.

Bajet yang berpaksikan lapan '*Strategic Thrusts*' mempunyai hala tuju yang jelas. Oleh itu, adalah menjadi harapan kita, semoga pelaksanaan semua projek, program dan inisiatif dilaksanakan sebaik-baik yang mungkin oleh kementerian, jabatan dan agensi yang diamanahkan agar hasrat murni bajet ini mencapai matlamatnya.



Saya mewakili rakyat dari DUN Daro ingin merakamkan ucapan berbanyak terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Premier dan barisan kepimpinan beliau amnya di atas jasa bakti dan kerja keras yang tidak kenal erti penat dan lelah demi kemajuan dan kemakmuran Sarawak yang kita sayangi.

Tuan Speaker, sekarang izinkan saya menyentuh beberapa isu yang melibatkan kawasan saya di N.43 Daro yang memerlukan perhatian Dewan yang mulia ini. Diharap kementerian, jabatan dan agensi yang berkenaan dapat mengambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya.

#### *Kemudahan Kesihatan*

Tuan Speaker, saya ingin menzahirkan rasa syukur dan ucapan terima kasih kepada kerajaan persekutuan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia yang telah meluluskan 'Notice of Change' ataupun NOC tambahan bagi melaksanakan, pertamanya, Klinik Kesihatan Daro Jenis 4 bernilai RM50 juta yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sarawak dan kedua, adalah kerja-kerja menyiapkan Klinik Pergigian Daerah Daro yang telah terbengkalai sebelum ini yang dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Malaysia yang bernilai RM12.08 juta. Memandangkan kedua-dua projek ini amat diperlukan, namun ianya telah tertangguh untuk sekian lama disebabkan oleh keperluan pertambahan peruntukan, maka saya mewakili masyarakat Daro merayu agar agensi-agensinya pelaksana yang berkenaan dapat menyegerakan pelaksanaannya.

#### *Jalan Perhubungan Desa*

Tuan Speaker, yang keduanya Jalan Perhubungan Desa. Berhubung dengan Jalan Perhubungan Desa yang telah diluluskan oleh Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah ataupun dikenali sebagai KKDW bagi membina Jalan Rumah Jingga, David Multifarm, Rumah Seli, Rumah Guang, SK Singat, Sg. Lengan, Bahagian Sibu, Sarawak pula, saya selaku wakil rakyat kawasan ini ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada KKDW kerana telah meluluskan pertambahan kos daripada RM70 juta kepada RM80 juta pada bulan Julai yang lepas. Sehubungan itu, saya memohon kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak selaku agensi pelaksana agar dapat menyegerakan pelaksanaan projek tersebut kerana ianya amat penting bagi penduduk setempat yang pada masa ini hanya bergantung kepada sungai sahaja sebagai laluan utama.

#### *Bekalan Air Bersih Daro*

Tuan Speaker, Bekalan Air Bersih di Daro. Isu bekalan air bersih di Daro masih lagi berlarutan meskipun beberapa projek menaik taraf bekalan air telah siap dan sedang dilaksanakan, namun didapati terdapat projek yang merupakan komponen penting bagi menyelesaikan tekanan air rendah masih lagi terbengkalai. Projek tangki aras tinggi berkapasiti 2 MLD yang hanya tinggal 1% sahaja lagi untuk disiapkan tetapi nampaknya masih belum dapat disiapkan, di mana saya dimaklumkan bahawa meskipun dua kali tender kerja penyambungan telah dipanggil tetapi tidak ada kontraktor yang berminat. Sehubungan itu, saya memohon agar pihak Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB) dapat mengkaji dan meneliti segera projek ini termasuk menilai semula baki peruntukan yang mungkin tidak mencukupi bagi menyiapkan projek ini sepenuhnya. Apa yang dikhuatiri adalah kelewatan menyiapkan projek ini bukan sahaja boleh menjejaskan bekalan air di Daro tetapi boleh menyebabkan implikasi dengan berlakunya kerosakan yang semakin serius akhirnya memerlukan kos pembaikan yang lebih besar.

#### *Jalan Dual-Carriageway Daro*

Tuan Speaker, yang keempat adalah Jalan Dual-Carriageway Daro. Projek Jambatan Muara Lassa dijangka siap sepenuhnya pada 19 Januari 2025 di mana 'Majlis Perletakan Bongkah Terakhir' telah dilaksanakan pada 7 November 2024 yang lepas. Dengan siapnya jambatan ini, pasti akan memudahkan perhubungan khususnya kenderaan dari luar Daro untuk datang ke Daro dan keadaan ini sudah pasti menambah kesesakan lalu lintas lebih-lebih lagi ketika waktu puncak. Oleh itu, keperluan jalan baharu *Dual-Carriageway* yang telah diluluskan oleh YAB Premier pada

2 September 2023 bagi mengatasi masalah kesesakan ini hendaklah segera dilaksanakan supaya tidak menimbulkan kesulitan sehingga boleh menjejaskan minat orang luar untuk datang ke Daro. Oleh itu, saya memohon agar pihak kementerian berkenaan dapat memaklumkan, bilakah agaknya pelaksanaan *Jalan Dual-Carriageway* ini dijangka akan bermula?

#### *Sektor Pertanian*

